

ADAT ISTIADAT, TERASUL DAN BAHASA BERTERASKAN KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA

Oleh

Awang Haji Abdul Manaf @
Muhammad Zulfikri bin Haji Japar

Penolong Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara

abdmanaf.japar@adat-istiadat.gov.bn



TITAH PEMASYHURAN KEMERDEKAAN



Negara Brunei Darussalam ada-lah dan dengan izin serta limpah kornia Allah Subhanahu Wata'ala, akan untok sa-lama2-nya kekal menjadi sa-buah Negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik bersendikan kepada ajaran2 Ugama Islam menurut Ahlis Sunnah Waljamaah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan, dan dengan petunjuk serta keredzaan Allah Subhanahu Wata'ala jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi ra'ayat Beta dan demikian juga pemeliharaan perhubungan persahabatan di-kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutohan (kukoh) wilayah bagi semua negara yang bebas dari champur tangan dari luar negeri.

Titah Pemasyhuran Kemerdekaan, Taman Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin
27 Rabiulawal 1404 / 01 Januari 1984



PETIKAN TITAH



Negara Brunei Darussalam Kekal Sebuah Negara Melayu Islam Beraja

- bersendikan ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah
- berasaskan keadilan, amanah dan kebebasan
- petunjuk dan keredhaan Allah
- ketenteraman dan keselamatan
- kebajikan dan kebahagiaan rakyat
- pemeliharaan perhubungan persahabatan
- bebas dari campur tangan luar negeri



ISI TAKLIMAT



1. Definisi Melayu Islam Beraja (MIB)
2. Titah / Sabda Berkaitan Adat Istiadat
3. Pengertian Adat Istiadat
4. Ciri-Ciri Adat Istiadat
5. Pengenalan Terasul dan Tujuannya
6. Bahasa Dalam dan Kepentingannya
7. Kesimpulan



MIB & ADAT ISTIADAT



(1) DEFINISI MELAYU ISLAM BERAJA (MIB)



DEFINISI MELAYU ISLAM BERAJA



Titah Pemasyhuran
01 Januari 1984

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Perlembagaan Negeri Brunei
29 September 1959

- Satu falsafah unggul mengenai cara hidup berbangsa dan bernegara
- Asas dan sumber rujukan dalam menentukan matlamat negara
- Mengekalkan nilai-nilai luhur untuk ketahanan negara
- Dipraktikkan sejak pemerintahan Sultan Muhammad Shah(1363 - 1402)
- Pengamalan bertambah jelas semasa pemerintahan Sultan Muhammad Hassan (1582 - 1598)
 - **Melayu** - Bahasa Melayu, jati diri bangsa dan perpaduan rakyat
 - **Islam** - asas kehidupan rakyat dan kepentingan suku kaum lain tetap terpelihara
 - **Beraja** - kerajaan bersultan yang wujud sekian lama





TITAH PERSIDANGAN KHAS



Akhirnya, kepada semua termasuk pihak perhubungan, pelancongan, belia dan sukan serta luar negeri, luruskanlah tujuan masing-masing. Jangan bengkok-bengkok. Tidak ada gunanya memilih jalan lain dari jalan kita yang sedia ada. Jalan kita ini sudah cukup bagus, kalau ia diikuti, Insya Allah kita selamat. Apakah jalan yang unik lagi hebat itu? Iaitu Melayu Islam Beraja (MIB). MIB adalah pakaian Brunei. Kita memakainya sejak lebih dari enam ratus tahun lagi. Jadi mengapa di dalam zaman yang dinamakan zaman moden ini ia mahu dipertikaikan? Yakinlah barangsiapa yang mempertikaikan MIB, mereka itu bukan purih Brunei atau tidak berjiwa Brunei.

Untuk menjadi pemimpin, keperluan untuk menguatkan amalan konsep MIB sangatlah mustahak. Jangan sekali-kali cuba menganut ideologi atau sistem lain dari ideologi dan sistem MIB. Kalau mahu jadi pemimpin yang baik, maka peganglah kuat-kuat prinsip ini dan juga jangan jadi pemimpin mabuk kuasa melakukan apa saja untuk kepentingan diri sendiri, lebih daripada kepentingan untuk negara.

Titah Sempena Persidangan Khas Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet,
21 Jamadilakhir 1439 / 07 Februari 2018, Istana Nurul Iman

MIB & ADAT ISTIADAT



(2)
TITAH / SABDA
BERKAITAN ADAT ISTIADAT



TITAH & SABDA AL-MARHUM



Tokoh Adat Istiadat
Sepanjang Zaman

Diisytiharkan: 31 Mac 2014
(Hari Adat Istiadat)

Adat Istiadat Diraja itu dari semasa ke semasa hendaklah dibisaikan, dielokkan dan diperbaiki untuk disesuaikan dengan keadaan zaman tanpa mengubah keasliannya.


Adat Istiadat adalah mustahak dielokkan, dipermolekkan, laila dikembangkan mengikut faedah dan untuk pada mengharumkan atau melailakan negeri istiadat ini.



Brunei
Arkitek Moden



TITAH PEMASYHURAN TOKOH ADAT ISTIADAT SEPANJANG ZAMAN



Dengan pegangan teguh kepada ajaran agama Islam, Al-Marhum mengadakan pembaharuan adat istiadat negara dengan mengikut landasan adat berasaskan hukum dan hukum bersendikan syara'. Dengan berkat kepimpinan Al-Marhum yang bijaksana lagi berwibawa dalam mengadakan pembaharuan adat, kita sekarang mewarisi adat istiadat Brunei yang cantik lagi dinamik.

Titah Semasa Majlis Istiadat Permasayhuran Tokoh Adat Istiadat
Sepanjang Zaman Sempena Sambutan Hari Adat Istiadat
29 Jamadilawal 1435 / 31 Mac 2014, Dewan Plenary ICC



MIB & ADAT ISTIADAT



(3) PENGERTIAN ADAT ISTIADAT



DEFINISI ADAT & ISTIADAT



- Perkataan adat berasal dari bahasa arab bererti:
 - Peraturan yang diamalkan turun-temurun (sejak dahulu kala) di dalam sesuatu masyarakat (sehingga merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi).
 - Cara yang sudah menjadi kebiasaan, sifat kebiasaan; seperti adat air cair, adat api panas.



- Mengenai pengertian Istiadat pula:
 - Adat kebiasaan, resam
 - Upacara



PEPATAH ADAT



hidup dikandung adat
mati dikandung tanah



biar mati anak
jangan mati adat



MIB & ADAT ISTIADAT



(4) CIRI-CIRI ADAT ISTIADAT



CIRI-CIRI YANG MENJADI DASAR KEPADA ADAT ISTIADAT



- i. Asli turun temurun
- ii. Bersendikan Syara'
- iii. Menurut kemampuan
- iv. Mengikut peredaran zaman
- v. Tidak menghalang kemajuan

1. ASLI TURUN TEMURUN



- Masih mempunyai Adat Istiadat purbakala yang turun temurun dan dipelihara oleh masyarakat bangsanya.
- Naubat Kebesaran Diraja diwarisi Sultan-Sultan Brunei sejak dahulu sehingga kini (mempunyai tiga jenis titir atau lagu: Naubat Biasa, Naubat Iskandar dan Naubat Ibrahim).



Peralatan Naubat
Nakara, 2 Gendang
Labek dan Serunai



2. BERSENDIKAN SYARA'



- Ugama merupakan salah satu unsur yang menjiwai Adat Istiadat dan Kebudayaan sesuatu bangsa.
- Istiadat Membuka Naubat diganti dengan bacaan doa tahlil dan solat fardhu maghrib berjemaah.



KUCHING EMAS



TONGKAT AJAI

- Alat-Alat Kebesaran Diraja seperti Kuching Emas dan Tongkat Ajai tidak lagi diletakkan di Patarana / Singgahsana.



3. MENURUT KEMAMPUAN



- Melaksanakan Adat Istiadat disesuaikan dengan kemampuan
- “jangan basar pasak dari tiang”

Contoh: Pada zaman dahulu Adat Berjaga-jaga atau Beurung-urung dari 12 hari sehingga ke 40 hari.



- Pada masa ini diubah tidak kurang dari 3 hari dan tidak lebih dari 14 hari.



4. MENGIKUT PEREDARAN ZAMAN



- Adat Istiadat terus hidup subur dan berkembang mengikut keadaan tetapi keasliannya tetap terpelihara.
- Contoh: Istiadat Berpuspa Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien pada 31 Mei 1951 menaiki Usungan yang diusung oleh pengusung-pengusung yang diaturkan.



- Semasa Istiadat Berpuspa Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada 01 Ogos 1968, Usungan Baginda mempunyai roda dan ditarik oleh yang ditentukan.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah diarak mengelilingi Bandar Seri Begawan menuju ke Istana Darul Hana selepas Istiadat Perpuspaan di Lapau

5. TIDAK MENGHALANG KEMAJUAN



- Adat Istiadat tidak menghalang kemajuan.
- Membentuk masyarakat yang bersopan, berdisiplin dan hormat.
- Mempertahankan adat menampakkan kemajuan.
- Negara Jepun berjaya dalam bidang Sains.



- Negara Brunei Darussalam berjaya berkembang maju dari segi fizikal, spiritual dan bidang pendidikan serta berpegang teguh kepada ajaran agama Islam. Sebagai sebuah Negara Zikir.



MIB & ADAT ISTIADAT



(5)
TERASUL
DAN
PENGERTIANNYA



PENGERTIAN TERASUL



Terasul adalah gabungan nama atau susunan perkataan yang indah dan mulia bunyinya yang dahulu disebut atau ditulis sebelum menyebut atau menulis nama gelaran/pangkat/bintang kebesaran (jika ada) kemudian diikuti dengan nama sebenar seseorang.



CONTOH PENGGUNAAN TERASUL



Jika menjemput individu menghadiri majlis (beristiadat/rasmi kerajaan /biasa) di dalam surat/kad jemputan akan dimulai, sebagai contoh:

1. Yang Mulia (*terasul*) Pengiran/Awang/Dayang (*nama*)
 2. Yang Mulia (*terasul*) [Pengiran] Dato/Datin Paduka (*Bintang-Bintang Kebesaran*)
Awang/Dayang (*nama*)
 3. Yang Dimuliakan (*terasul*) Pehin Orang Kaya Jurulatih Adat
Istiadat Diraja (*gelaran*) Dato Paduka (*Bintang-Bintang Kebesaran*) Awang (*nama*)
- Penggunaan Terasul telah wujud berkurun lamanya.
 - Seringkali mengalami perubahan sesuai dengan pandangan Sultan.
 - Perubahan Terasul tidak dikira bertentangan dengan adat.



PERINGKAT TERASUL



Terasul mengandungi beberapa peringkat seperti berikut:

Terasul	
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda	Sultan dan Raja Isteri
Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri	Dimasyhurkan Menjadi Pengiran Muda Mahkota, Putera-Putera Sultan, Putera Sultan Yang Diarak Menjadi Wazir
Yang Teramat Mulia Paduka Seri	Isteri DPMM dan Puteri-Puteri Sultan
Yang Amat Mulia	Pengiran-Pengiran Cheteria dan Cucunda Al-Marhum
Yang Berhormat	Menteri-Menteri Kabinet, Bertaraf Menteri, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Diraja dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara
Yang Dimuliakan	Pehin-Pehin Manteri Berchiri
Yang Mulia	Manteri Darat dan Manteri Pendalaman



TUJUAN TERASUL



- Tujuan meletakkan terasul di pangkal gelaran, pangkat atau bintang kebesaran atau nama adalah untuk memuliakan dan memberikan penghormatan kepada seseorang (jangan sampai nama mereka diracak atau terlalu luaran).




PENGGUNAAN TERASUL



- Terasul digunakan dalam keadaan rasmi atau semi-formal sahaja
 - Majlis Beristiadat
 - Majlis rasmi Kerajaan
 - Majlis Biasa

- Terasul digunakan di dalam apa jua bentuk dan jenis persuratan.



CONTOH PENGGUNAAN TERASUL



- Penggunaan Terasul dalam Persuratan
 - Yang Mulia (*) - Terasul tertakluk kepada individu yang dialamatkan Setiausaha Tetap / Pengarah (jawatan)
Nama Kementerian / Jabatan
Alamat Kementerian / Jabatan
Negara Brunei Darussalam
- Terasul di dalam Majlis-Majlis Keraian
 - Memaklumkan Keberangkatan
Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja.
 - Dalam Majlis Forum
Pada kebiasaannya Pengerusi Majlis memperkenalkan ahli-ahli panel (penceramah) kepada yang hadir.



MIB & ADAT ISTIADAT



(6)
BAHASA DALAM
DAN
KEPENTINGANNYA



KEINDAHAN BAHASA



Santun
Berbahasa

- Memainkan peranan penting dalam kehidupan.
- Bahasa betul dan bersesuaian menimbulkan rasa mesra, persefahaman dan kerjasama.
- Bahasa salah dan asing menimbulkan rasa tidak senang, salah faham dan permusuhan.


BAHASA
JIWA
BANGSA

- Komunikasi sempurna dan mesra penting bagi memudahkan urusan.

اوتماکن
بهاس ملايو
UTAMAKAN
BAHASA MELAYU



BAHASA DALAM



- *Bahasa Istana* atau *Bahasa Raja-Raja*.
 - Bahasa berstatus tinggi.
 - Jawatan tinggi (key post) terdiri daripada Kerabat Diraja, Wazir, Cheteria dan Pengiran-Pengiran.
-
- Sesiapa yang bijak dan fasih Bahasa Dalam disebut:
 - orang yang pandai beraja-raja
 - golongan yang rapat (rapat hubungan) dengan Kerabat Diraja



Bahasa Pengganti Diri



	Orang Pertama	Orang Kedua
Sultan & Raja Isteri	Hamba Kebawah Duli Tuan Patik	Kebawah Duli Tuan Patik
Pengiran Muda Mahkota, Putera-Putera Sultan & Duli-Duli Wazir	Hamba Duli Tuanku	Duli Tuanku
Puteri-Puteri Sultan	Hamba Tuanku	<ul style="list-style-type: none">• Tuanku• Pengiran Anak Puteri
Pengiran-Pengiran	<ul style="list-style-type: none">• Peramba (Lelaki)• Kaola (Perempuan)	<ul style="list-style-type: none">• Tuan Peramba (Lelaki)• Tuan Kaola(Perempuan)
Pehin-Pehin Manteri	Kaola	Pehin
Penglima, Orang Kaya, Hulubalang, Pateh, Pengarah	Hamba (penutur lelaki sahaja) Saya, Kediaku	Panggil pangkal gelaran atau Liau

MIB & ADAT ISTIADAT



(7) KESIMPULAN

Adat Istiadat dan MIB



Unsur KeMelayuan	Unsur Kelslaman
Mengadakan majlis kekeluargaan	Waktu majlis merujuk waktu solat
Pindah Rumah / Perkahwinan	Adab Bersalaman
Bertandang ke rumah	Menghormati orang yang di'tua'kan
Pakaian	Memohon keberkatan
Menjaga tatasusila	Doa Selamat

Terasul, Bahasa Dalam dan Konsep MIB



Terasul

- Masyarakat Melayu Brunei teradat memuliakan seseorang
- Pangkal sebutan mengikut taraf dan kedudukan
- Mengucapkan dengan beradab
- mewujudkan rasa hormat
- Mengutamakan kedudukan raja
- Digalakkan oleh Islam

Bahasa Dalam

- Keindahan Bahasa Dalam
- Bahasa tingkat tinggi dan simbol kemuliaan
- Penutur peka dengan keadaan
- Sikap keMelayuan berhati-hati mengeluarkan kata-kata
- Menutup keaiban ajaran agama



Adat Istiadat, Terasul dan Bahasa Dalam Berteraskan MIB



mewarnai budaya dan kehidupan masyarakat Melayu Brunei

aturan bertertibkan kemelayuan

sebagai benteng pertahanan nilai-nilai luhur

perlaksanannya serentak dengan MIB

pengamalan berdasarkan keislaman

Penguatan dan amalan hidup berbudaya

memiliki hubungan sehati dengan falsafah MIB

Kebiasaannya mengutamakan kehormatan Raja

Idealisasi MIB menyekat unsur budaya lain yang tidak sesuai



KETERANGAN LANJUT



Boleh dimuat turun

Website: www.adat-istiadat.gov.bn

PENERBITAN

Boleh dimuat turun



Bahasa Dalam
(Klik untuk muat turun)



Senarai Bintang-Bintang Kebesaran Dan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam
(Klik untuk muat turun)



Adat Istiadat Diraja Brunei (Jawi)
(Boleh didapati di Jabatan Adat Istiadat Negara)



Adat Istiadat Diraja Brunei (Rumi)
(Boleh didapati di Pusat Sejarah Brunei)



Kertas Kerja Ceramah Dan Bengkel Adat Istiadat
(Boleh didapati di Jabatan Adat Istiadat Negara)



Majlis Istiadat Pemasyhuran Tokoh Adat Istiadat Sepanjang Zaman Sempenan Hari Adat



Naubat Dan Gendang Jaga-Jaga
(Boleh didapati di Jabatan Adat Istiadat Negara)



Pengenalan Ringkas Jabatan Adat Istiadat Negara
(Boleh didapati di Jabatan Adat Istiadat Negara)

Bahagian Pemberigaaan
Jabatan Adat Istiadat Negara
Bandar Seri Begawan BS8610
Negara Brunei Darussalam

Facebook : Jabatan Adat Istiadat Negara
Telefon : 2243971 (3 talian)
Telefaks : 2242291 / 2227548

PAUTAN BERKAITAN

Foto Galeri

Terasul dan Bahasa Pengganti Diri

Boleh dimuat turun





SEKIAN

&

TERIMA KASIH

